

TEKS UCAPAN

**YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA**

DIBACAKAN OLEH:

**YB TUAN HAJI MOHD ANUAR MOHD TAHIR
TIMABALAN MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA:

**HARI INTEGRITI DAN HARI PSIKOLOGI
KEMENTERIAN KERJA RAYA 2018**

**1 NOVEMBER 2018
(KHAMIS)**

BERTEMPAT DI:

**DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID
KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.



YBhg. Dato' Sri Zohari bin Akob,
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya



YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha,
Ketua Pengarah Kerja Raya



YBhg. Dato' Ir. Ahmad Asri Bin Abdul Hamid,
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
(CIDB)



YBhg. Dato Sr. Aziz Bin Abdullah,
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

YBhg. Dato'–Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan salam daripada YB Baru Bian, Menteri Kerja Raya yang tidak dapat hadir atas komitmen lain dan izinkan saya untuk membacakan teks ucapan beliau.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada penganjur sambutan hari Integriti dan Hari Psikologi Kementerian Kerja Raya 2018 pada hari ini iaitu Unit Integriti dan Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KKR. Sesungguhnya majlis ini merupakan satu usaha kementerian untuk menyemarakkan semangat berintegriti dan memupuk kesejahteraan psikologi dalam kalangan warga kementerian khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya.

2. Integriti di kalangan penjawat awam adalah amat penting memandangkan setiap penjawat awam diperlukan untuk bertindak secara beramanah kepada kuasa yang dipertanggungjawabkan dan patuh kepada undang-undang serta peraturan yang berkuatkuasa. Ia adalah selaras dengan phrasa “SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH” yang telah dipilih oleh kerajaan Malaysia Baharu untuk menjadi panduan dan amalan para penjawat awam.

3. Sebagai Penjawat Awam yang diamanahkan untuk melaksanakan tanggungjawab dalam perkhidmatan kerajaan, setiap individu perlu mengamalkan sikap terpuji seperti telus, tulus, tiada konflik peribadi, berwibawa, akauntabiliti, patuh kepada undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa. Ini kerana, integriti wujud dari dalam diri dan ditentukan oleh disiplin serta keutuhan diri masing-masing. Penjawat Awam yang mempunyai disiplin dan keutuhan, tetap akan melaksanakan tugas dengan berintegriti dan sentiasa mengutamakan kepentingan awam.

4. Ketirisan integriti yang berlaku adalah berpunca daripada sikap individu yang ada kalanya mengatasi prosidur dalaman, struktur dan sistem yang sedia ada. Pada asasnya keluhuran integriti seseorang individu terbentuk sejak kecil lagi dari rumah. Keluarga memainkan peranan yang sangat penting dalam memupuk sifat dan tingkah-laku terpuji di kalangan kanak-kanak. Keluarga yang mengamalkan nilai-nilai murni dan berintegriti akan menghasilkan anak-anak yang luhur integritinya. Setiap ibu-bapa adalah bertanggungjawab bagi mewujudkan suasana yang sejahtera bagi menjamin pembentukan masyarakat Malaysia yang berintegriti.

Sambutan Hari Integriti dan Hari Psikologi 2018

5. Sejak tahun 2005, Hari Integriti Kebangsaan disambut pada 5 November setiap tahun bagi membudayakan integriti sebagai cara hidup dan amalan masyarakat Malaysia. Tarikh ini dipilih bersempena dengan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Penggubalan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang diumumkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai landasan ke arah pemantapan etika dan integriti masyarakat. Hari Psikologi pula disambut selari dengan sambutan Hari Kesejahteraan Mental Sedunia yang diisytiharkan oleh *World Health Organization* (WHO) pada 10 Oktober setiap tahun.

6. Sehubungan itu, Hari Integriti dan Hari Psikologi peringkat Kementerian Kerja Raya diadakan secara bersama pada hari ini iaitu 1 November 2018 dengan tema “Keluhuran Integriti, Paksi Minda Insani”. Saya berharap penganjuran Hari Integriti dan Hari Psikologi ini akan dapat mencapai tujuan penganjurannya iaitu:

- Untuk memupuk kesedaran dalam kalangan anggota di Kementerian dan Agensi-agensi lain di bawahnya mengenai keperluan dan kepentingan membina nilai-nilai murni dan berintegriti;
- Membina imej Kementerian dan mampu memberi tanggapan yang baik ke arah mempertingkatkan sistem tadbir urus yang baik dan telus melalui penglibatan dan sokongan Ketua Jabatan dan pegawai atasan terhadap program ini;

- Memberi penjelasan mengenai isi-isu berkaitan kesalahan tata tertib dan mewujudkan kesedaran tentang norma tatakelakuan yang baik kepada pegawai dan kakitangan di Kementerian dan Agensi; dan
- Meningkatkan kesedaran tentang isu-isu kesihatan mental dan menyediakan peluang dalam mendidik dan keperluan menjaga kesihatan mental. Ini juga melibatkan kesedaran berkaitan kesejahteraan dalam kekeluargaan yang perlu difokuskan dalam mencapai masyarakat sejahtera khususnya di Kementerian Kerja Raya Malaysia.

Program Pembudayaan Integriti

7. Sistem tadbir urus sektor awam yang baik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan utama dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan. Seraya dengan itu, pihak Kementerian sentiasa mengambil langkah pro-aktif untuk memantapkan integriti bagi memastikan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cemerlang dan berdaya saing tinggi.

8. Selaras dengan itu, sejak penubuhan Unit Integriti pada Mac 2014, unit ini sentiasa mengambil langkah untuk menzahirkan hasrat kerajaan bagi memantapkan integriti penjawat awam dengan pengamalan tadbir urus yang baik, membina kompetensi, meningkatkan keberkesanan

sistem penyampaian perkhidmatan dan produktiviti warga kerja khususnya di Kementerian dan Jabatan serta Agensi-agensi dibawahnya. Bagi mencapai hasrat tersebut, Kementerian melalui Unit Integriti telah mengambil inisiatif seperti Ikrar Bebas Rasuah, Pelan Tindakan Pengukuhan Integriti 2016-2020, Pelan Tindakan Risiko Rasuah, Program Semarak Integriti dan pelbagai program pemerkasaan integriti yang diadakan secara berterusan.

9. Program-program yang disusunatur ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan amalan berintegriti khususnya kepada warga KKR dan agensi dibawahnya. Pembudayaan amalan integriti ini diharapkan dapat melahirkan warga kerja yang lebih efisien, produktif dan beretika serta mampu untuk mewujudkan mekanisme kawalan bagi memastikan peraturan dan dasar yang telah ditetapkan dipatuhi seterusnya mengurangkan statistik kesalahan tatatertib di Kementerian ini.

Laporan Ketua Audit Negara

10. Suka saya mengingatkan di sini agar Ketua-ketua Jabatan dan Agensi haruslah sentiasa peka dan prihatin dengan isu-isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) serta mengambil iktibar dan mempelajari daripada pengalaman-pengalaman kurang baik yang didedahkan oleh Jabatan Audit Negara.

11. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 11 Julai 2018 telah menetapkan supaya pengagihan tanggungjawab kepada YB Menteri bagi memantau setiap teguran dan syor yang dibangkitkan dalam

LKAN. Selain itu, status pelaksanaan tindakan susulan yang telah diambil perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Sehubungan itu, Kementerian dan agensi seharusnya mengambil perhatian yang serius untuk memastikan isu-isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan dan ditambahbaik bagi mengelakkan teguran sama berulang pada masa hadapan.

Tatatertib

12. Statistik kes tatatertib di Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya dari tahun 2015 sehingga 2017 menunjukkan terdapat sebanyak 108 kes tatatertib yang telah diambil tindakan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 50.93%, iaitu 55 kes adalah kes pelanggaran tatakelakuan, 41.6% ataupun 45 kes adalah tidak hadir bertugas dan hanya 2 kes, iaitu 1.85% merupakan kes mahkamah yang melibatkan kesalahan rasuah. Ini jelas menunjukkan bahawa kesalahan rasuah bukan masalah sebenar di Kementerian dan Agensi tetapi ia hanya persepsi yang perlu kita tangani. Walau bagaimanapun, semua warga KKR dan agensi adalah diingatkan agar sentiasa mematuhi peraturan yang berkuatkuasa serta bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan bagi mengelakkan sebarang kesalahan sebegini berlaku.

Usaha Kerajaan Menangani Rasuah

13. Kerajaan Malaysia sedang mengambil pelbagai usaha untuk membebaskan Negara daripada masalah rasuah dan selaras dengan itu, YAB Perdana Menteri pada 8 Jun 2018 telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah bagi menggantikan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan dalam menentukan dasar berhubung dengan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran kerajaan.

14. Kerajaan juga telah menubuhkan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional yang akan menasihati merancang, memantau, menilai dan melapor perkara-perkara berkaitan dengan governans, integriti dan pembentaraan rasuah bagi memastikan semua inisiatif Kerajaan untuk membebaskan Negara daripada masalah rasuah dapat dilaksanakan dengan tepat dan mencapai matlamat yang disasarkan.

15. Justeru, Kementerian Kerja Raya memandang serius untuk menemui jalan penyelesaian dan penambahbaikan kepada masalah serta kelemahan yang berkaitan dengan governans, integriti dan anti-rasuah. Oleh yang demikian, saya menyeru setiap warga kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah KKR untuk memainkan peranan supaya hasrat Kerajaan tersebut dapat direalisasikan.

Kesejahteraan Psikologi

16. Disamping mempunyai nilai integriti yang tinggi, memiliki kesejahteraan psikologi sangat penting dalam mempengaruhi kefungsi mental dan kesihatan fizikal seseorang. Ia merangkumi semua elemen penting yang berupaya mempengaruhi peranan individu

dalam masyarakat seperti kesejahteraan sosial, kepuasan hidup dan kebermaknaan dalam kehidupan.

17. Dewasa ini, pelbagai isu berkaitan kepincangan sosial banyak dilaporkan sama ada oleh media elektronik atau media cetak. Antara yang dilaporkan adalah seperti isu peningkatan kes kesihatan mental, bunuh diri, pembuangan bayi, samun, gelandangan, serangan seksual, buli dan sebagainya.

18. Situasi ini dapat dikaitkan secara langsung dengan kesan ketidaksejahteraan psikologi individu yang menjadi sebahagian daripada ahli masyarakat. Justeru, aspek kesejahteraan psikologi perlu diteliti dan diperkasakan selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan modal insan berprestasi tinggi dan sejahtera.

19. Rentetan daripada insiden-insiden yang menggemparkan masyarakat dan kemerosotan nilai individu pada masa kini, maka ia telah menimbulkan kesedaran akan pentingnya elemen kesejahteraan psikologi dalam kalangan rakyat. Justeru, baru-baru ini di dalam Persidangan Psikologi Perkhidmatan Awam ke-23, kerajaan telah melancarkan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (IKPM) bagi menilai tahap kesejahteraan psikologi rakyat Malaysia dalam usaha ke arah negara yang sihat dan berprestasi tinggi.

20. Dapatan Indeks menunjukkan bahawa rakyat Malaysia masih berada di **tahap sederhana** dari segi kesejahteraan psikologi dengan skor sebanyak **6.95** dari empat indeks komposit yang terlibat iaitu kesejahteraan sosial, kefungasian psikologi, kepuasan hidup, emosi negatif dan emosi positif. Indeks ini dapat digunakan dalam

meningkatkan kesedaran tentang kepentingan impak berkaitan keseimbangan emosi, kefungsiian dan potensi individu serta kefungsiian sosial terhadap kesejahteraan rakyat dan negara.

21. Kajian "The Future of Wellness at Work" oleh Global Wellness Institute pada tahun 2016 mendapati peningkatan kos berbilion Dollar setahun dialami sesebuah negara disebabkan oleh tempat kerja yang tidak sejahtera. Ia merangkumi kos yang disebabkan oleh peningkatan kes penyakit kronik, tekanan pekerjaan, ketidakhadiran dan produktiviti yang menurun dan lain-lain lagi. Jika keadaan ini tidak ditangani secara terancang, kita juga bakal berhadapan dengan situasi tersebut dan ia boleh memberi kesan kepada kemakmuran dan kemajuan negara.

22. Kementerian Kerja Raya melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah mengambil inisiatif dengan menempatkan pegawai psikologi di kementerian bagi meningkatkan tahap kesejahteraan dan kesihatan psikologi warga kerja terjamin. Perkara ini dibuktikan lagi dengan pencapaian Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Kerja Raya apabila dianugerahkan penarafan lima (5) bintang di dalam Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia (SKPPSM) pada tahun 2017 yang lalu. Syabas diucapkan.

Kesimpulan

23. Saya yakin dengan adanya sambutan sebegini ianya akan dapat menyemarakkan semangat warga KKR agar lebih berintegriti dan mengamalkan ciri-ciri keperibadian yang tinggi. Ini adalah sangat penting kerana dengan adanya integriti, keutuhan peribadi dan kesejahteraan emosi, ianya boleh menjamin keberkesanan sistem

penyampaian perkhidmatan dan mencapai kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negara.

24. Mengambil kira perubahan persekitaran kerja yang kompleks pada masa kini, dan bagi mengharungi cabaran yang mendatang maka sudah tentulah kita amat memerlukan warga kerja yang komited dalam menjalankan tugas seharian dan kreatif untuk melakukan perubahan bagi mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada orang ramai.

25. Dengan itu, sambutan Hari Integriti dan Hari Psikologi 2018 ini, diharapkan dapat menerapkan lagi nilai integriti, etika kerja yang unggul serta mewujudkan kesejahteraan emosi dalam kalangan warga kementerian dan sekaligus meningkatkan imej kementerian.

Penutup

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Unit Integriti dan Cawangan Psikologi KKR selaku penganjur majlis ini dan semua pihak yang turut serta menjayakan program ini.

Sekian, terima kasih.